



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 MAC 2020 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

14 MAC 2020 (SABTU)

Rosol sedia potong gaji

Kuala Berang: Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid bersedia gaji bulanan dipotong dalam usaha mengurangkan beban kewangan negara.

Katanya, semua menteri dan timbalan menteri Kabinet juga disarankan tidak keberatan berbuat demikian.

“Terpulang kepada kerajaan untuk memutuskan jumlah peratusan gaji yang akan dipotong,” katanya ketika ditemui selepas menziarahi pusara bapanya, Wahid Chik di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bukit Diman, di sini, semalam.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata demikian ketika mengulas cadangan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, supaya barisan Kabinet bersedia untuk pemotongan gaji bagi menjimatkan kewangan negara.

Muhyiddin selepas mempengekusikan mesyuarat Kabinet Rabu lalu dilaporkan bersedia untuk gajinya dipotong antara lima hingga 10 peratus berikutan keadaan fiskal negara.

Bagaimanapun, Rosol mencajangkan pemotongan gaji menteri lebih tinggi daripada timbalan menteri.



Terpulang kepada kerajaan untuk memutuskan jumlah peratusan gaji yang akan dipotong.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Ketika mengulas arahan Muhyiddin supaya semua anggota Kabinet mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rosol berkata, semua ahli Parlimen Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), sudah membuat pengisytiharan Jun tahun lalu.

RON95 turun tujuh sen, RON97, diesel kurang 9 sen

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 turun tujuh sen kepada RM1.82 sen seliter manakala RON97 dan diesel masing-masing turun sembilan sen seliter kepada RM2.10 (RON97) dan RM1.87 (diesel).

Kementerian Kewangan melalui kenyataan semalam, menyatakan bahawa harga runcit produk petroleum berkenaan untuk tempoh 14 hingga 20 Mac ini.

Katanya, penetapan harga itu dibuat berdasarkan harga runcit produk petroleum secara minggu menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

“Ketidaktentuan harga minyak mentah dunia pada masa ini dipengaruhi oleh ketidaksefahaman pengeluaran antara negara pengeluar minyak dunia serta wabak COVID-19 yang memberi kesan kepada ekonomi global.

“Sebagai langkah menstabilkan harga minyak kepada pengguna selain mengimbangi ketidaktentuan hasil minyak kepada kerajaan, harga runcit bagi dua produk petrol RON95 dan diesel diturunkan,” katanya.

SOROK MINYAK 357KG

KPDNHEP serbu rumah pekedai

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Tindakan seorang wanita menyorokkan 357 kilogram (kg) minyak masak pelbagai jenama di dalam rumah hingga ke tandas akhirnya dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Azanizam Affendi Juri, berkata wanita berusia 44 tahun itu ditemui ketika operasi di sebuah kediaman di Kampung Kubang Gabus di sini.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati semua minyak dibungkus seberat satu kilogram setiap satu itu adalah untuk pasaran di kedai milik wanita

itu yang terletak satu kilometer sahaja dari rumahnya.

“Wanita itu mengaku kedai itu miliknya namun dia melakukan kesalahan kerana menyimpan barang kawalan bersubsidi di tempat tidak berlesen iaitu di rumahnya.

“Penemuan kes ini adalah hasil aduan orang awam sebelum risikan dijalankan pasukan risik KPDNHEP seterusnya serbuan dilakukan ke rumah itu,” katanya.

Azanizam berkata, operasi terbabit juga hasil kerjasama dengan Pasukan Polis Marin, Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor, Tumpat, dalam Operasi Khas Bersepadu Interagensi bermula 2 petang hingga 9 malam.

Katanya, seramai 12 anggota bertanggungjawab melaksanakan operasi itu yang bertujuan membanteras penyeludupan dan penyelewengan barang kawalan bersubsidi disempadan Malaysia-Thailand.



Harga RON95 turun 7 sen, RON97 dan diesel turun 9 sen

KUALA LUMPUR - Harga runcit petrol RON97 dan diesel turun sembilan sen seliter, manakala RON95 turun sebanyak tujuh sen seliter berkuat kuasa tengah malam tadi sehingga 20 Mac ini.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam berkata, harga runcit petrol RON97 bagi minggu tersebut turun kepada RM2.10 daripada RM2.19 seliter, manakala harga diesel sebanyak RM1.87 daripada RM1.96 dan harga RON95 menjadi RM1.82 daripada RM1.89 seliter.

“Ketidaktentuan harga minyak mentah dunia pada masa ini dipengaruhi oleh ketidaksefahaman pengeluaran antara negara-negara pengeluar minyak utama dunia dan wabak coronavirus (Covid-19) yang memberi kesan kepada ekonomi global.

“Sebagai langkah menstabilkan turun naik harga minyak kepada pengguna dan mengimbangi ketidaktentuan hasil minyak kepada kerajaan, harga runcit petrol dan diesel diturunkan,” menurut kenyataan itu.